

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

**TARIKH JAWAPAN : 26 MAC 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tindakan yang sedang diambil untuk mengelakkan pemberhentian rawatan air oleh Puncak Niaga di Selangor kerana '*effluen*' kumbahan daripada loji IWK mengandungi tahap ammonia yang terlalu tinggi termasuk meminda Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbagan dan Efluen Perindustrian) 2009 dan lain-lain akta yang berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian ingin menegaskan bahawa loji rawatan kumbahan yang melepaskan efluen mengandungi tahap ammonia yang tinggi adalah milik persendirian dan tidak dikendalikan oleh Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. Kementerian ini difahamkan pencemaran tersebut juga berpunca daripada pembuangan tanpa kawalan bahan-bahan buangan dan air sisa daripada pelbagai punca yang diburukkan lagi dengan paras air yang rendah. Paras air yang rendah tidak dapat melarutkan kandungan ammonia dalam air sungai.
2. Baru-baru ini, operator air terpaksa menghentikan operasi Loji Rawatan Air Cheras Batu 11 dan LRA Bukit Tampoikan kerana paras ammonia dalam air mentah di muka sauk kedua-dua loji tersebut telah melebihi had piawaian Kementerian Kesihatan. Tindakan ini adalah perlu bagi mengelakkan air mentah di kedua-dua muka sauk mencemarkan sistem bekalan air yang seterusnya akan mengancam keselamatan pengguna.

3. Bagi meringankan bebanan pengguna-pengguna yang terjejas dengan gangguan bekalan air berikutan penutupan dua loji ini, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara pada 21 Februari 2014 telah meluluskan permohonan Syarikat Bekalan Air Selangor untuk melaksanakan catuan air. Kawasan tersebut atas bantuan kawasan-kawasan lain pada masa ini menerima air untuk 2 hari dan tiada air untuk 2 hari berikutnya. Catuan air ini akan dilaksanakan sehinggalah paras ammonia di muka sauk tersebut mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi mengatasi isu limpahan kumbahan tanpa rawatan, Kementerian ini melalui Jabatan Perkhidmatan Pembetungan telah mengenal pasti 188 loji rawatan kumbahan sedia ada di kawasan Sungai Langat untuk ditutup dan aliran sedia ada akan disalurkan ke loji rawatan kumbahan berpusat yang baharu yang sedang dalam pembinaan.
5. Namun begitu, Kementerian saya ingin menegaskan bahawa isu kandungan ammonia yang tinggi ini perlu ditangani secara holistik dengan mengguna pakai pendekatan pengurusan sungai yang

bersepadu supaya tindakan-tindakan preventif akan dapat diambil pada masa-masa akan datang. Pencemaran sungai bukan sahaja berpunca daripada air kumbahan yang tidak dirawat malah sampah-sarap dan sisa buangan yang dibuang oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang tinggal sepanjang sungai atau alor air yang mengalir ke sungai tersebut.
